

KUALA TERENGGANU, 31 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA NEGARA MEMERLUKAN PARTI PEMBANGKANG YANG SIHAT DI PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI TETAPI BUKAN SEPERTI PAS YANG KEHADIRANNYA BOLEH MEROSAKKAN AKIDAH DAN SETERUSNYA MENGHANCURKAN PERPADUAN UMAT ISLAM.

BELIAU BERKATA OLEH ITU SEMUA ANGGOTA UMNO DAN BARISAN NASIONAL BERKEWAJIPAN MENGATUR BARISAN DAN MEMPERHEBATKAN LAGI PERJUANGAN MULAI DARI SEKARANG UNTUK MELENYAPKAN TERUS PAS ITU.

BERUCAP PADA MAJLIS KESYUKURAN BARISAN NASIONAL NEGERI TERENGGANU DI STADIUM NEGERI DI SINI, BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK GENTAR MENGHADAPI PARTI PEMBANGKANG, MALAH SENTIASA BERSEEDIA UNTUK BERTANDING DENGAN MEREKA.

+BAGAIMANAPUN, KITA TIDAK SANGGUP MELIHAT WUJUDNYA PARTI PEMBANGKANG YANG MENGGUNAKAN AGAMA SEHINGGA MENYEBABKAN BERLAKUNYA PENYELEWENGAN AKIDAH DI KALANGAN UMAT ISLAM, SEMATA-MATA KERANA KEPENTINGAN DIRI PARA PEMIMPIN PARTI ITU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MAJLIS KESYUKURAN ITU DIHADIRI OLEH 5,000 ORANG PEMIMPIN DAN PENYOKONG SEMUA PARTI KOMPONEN BN. MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID JUGA HADIR.

PERDANA MENTERI YANG DALAM RANGKA LAWATAN DUA HARI KE TERENGGANU MULAI HARI INI BERKATA BELIAU MEMANG BERHASRAT UNTUK MELIHAT BARISAN PEMBANGKANG YANG SIHAT YANG BOLEH MEMBUAT TEGURAN SEKIRANYA KERAJAAN MELAKUKAN KESILAPAN. -- LAGI.

1904MST 31 10 86

MAHATHIR-PAS 2 KUALA TERENGGANU

+BAGAIMANAPUN, PAS BERBEZA DENGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG LAIN. KEHADIRANNYA MENINGGALKAN KESAN YANG AMAT BURUK KEPADA AKIDAH UMAT ISLAM MANAKALA PARA PEMIMPINNYA PULA SANGGUP MELAKUKAN APA SAHAJA UNTUK MENDAPAT KUASA,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DUKACITA KERANA KEHADIRAN PAS YANG DISOKONG OLEH ORANG ISLAM TELAH MENYEBABKAN PERTELEGAHAN SERTA PERMUSUHAN SESAMA ISLAM KERANA ORANG YANG MENJADI TENTANGAN PAS IALAH PENYOKONG UMNO YANG JUGA BERAGAMA ISLAM.

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA PARA PEMIMPIN PAS BUKAN BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN AGAMA DAN NEGARA TETAPI UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI SEHINGGA SANGGUP MELAKUKAN PELBAGAI PENIPUAN, MENGGUNAKAN KESEMPATAN DARIPADA KEPERCAYAAN PARA PENYOKONGNYA.

PERDANA MENTERI MENDEDAHKAN BAHAWA ANTARA PENIPUAN YANG DILAKUKAN OLEH PARA PEMIMPIN PARTI ITU IALAH MEMUNGUT WANG DARIPADA PARA PENYOKONGNYA SEMASA MUSIM PILIHAN RAYA UMUM OGOS LEPAS DENGAN ALASAN UNTUK DIJADIKAN TAMBANG MENUNAIKAN FARDU HAJI.

+PARA PENYOKONG YANG SETIA DAN BERCIITA-CITA HENDAK MENUNAIKAN FARDU HAJI ITU AKHIRNYA SEDAR BAHAWA MEREKA TELAH DITIPU DAN WANG YANG MEREKA BERIKAN TELAH DIGUNAKAN OLEH PARA PEMIMPIN ITU SEMASA PILIHAN RAYA.+ -- LAGI.

1922MST 31 10 86

D499

U B966 DEB
MAHATHIR-PAS 3 KUALA TERENGGANU

+OLEH ITU, UMNO DAN BARISAN NASIONAL HENDAKLAH MENYUSUN BARISAN DAN MENINGKATKAN LAGI KERJASAMA MULAI SEKARANG UNTUK MEMASTIKAN PARTI PEMBANGKANG YANG TIDAK SIHAT ITU DAPAT DIHAPUSKAN,+ TEGASNYA.

BAGI MENCAPAI MATLAMAT ITU, ANGGOTA-ANGGOTA UMNO HENDAKLAH MENCARI LEBIH BANYAK ANGGOTA BARU DAN MEMPERHEBATKAN PENERANGAN MENGENAI DASAR-DASAR PERJUANGAN PARTI KEPADA SETIAP LAPISAN RAKYAT.

KATANYA, WALAUPUN PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG MASIH LAMBAT IAITU KIRA-KIRA LIMA TAHUN LAGI, IA TIDAK BERMAKNA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO ATAU BN BOLEH LEKA DAN BERSENANG-SENANG HATI.

BELIAU GEMBIRA KERANA DALAM PILIHAN RAYA OGOS LEPAS, UMNO DAN BN TERENGGANU MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DENGAN MENYAPU KESEMUA LAPAN KERUSI PARLIMEN DAN 30 DARIPADA 32 KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG DIPERTANDINGKAN.

INI MENUNJUKKAN BAHAWA PERJUANGAN UMNO DAN BN PERJUANGAN YANG JUJUR DAN IKHLAS, BERBEZA DENGAN PAS YANG MENUNJUKKAN SIKAP ANGKUH DAN SOMBONG BEBERAPA HARI MENJELANG PILIHAN RAYA ITU, SEOLAH-OLAH MEREKA TELAH MENGUASAI NEGERI INI, KATANYA.

BAGAIMANAPUN WAKIL-WAKIL RAKYAT UMNO DAN BN JANGANLAH TERLALU SOMBONG DENGAN KEMENANGAN YANG DICAPAI ITU KERANA IA MERUPAKAN AMANAH RAKYAT YANG MESTI DIPIKUL DENGAN JUJUR DAN IKHLAS.

BELIAU BERKATA MANA-MANA WAKIL RAKYAT YANG GAGAL MENJALANKAN TANGGUNGJAWABNYA SEKARANG AKAN MENGHADAPI KERUMITAN UNTUK DIPILIH SEMULA OLEH PARTI DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG. -- BERNAMA.

1941MST 31 10 86